

**BAB**

**VI**

## BAB VI

### KESIMPULAN

#### 6.1 *KESIMPULAN.*

Berdasarkan kepada huraian beberapa bab yang terdahulu dapatlah dibuat kesimpulan-kesimpulan sepertimana berikut:

1. Kelemahan struktur politik, sosial, ekonomi dan pertahanan Andalus sewaktu zaman akhir pemerintahan kerajaan Visigoth telah memudahkan penguasaan Islam ke atas Andalus
  
2. Proses penaklukan Islam ke atas Andalus merupakan satu sejarah yang cukup unik kerana ia memperlihatkan kerjasama di antara tentera-tentera Islam dari kalangan orang-orang Arab dan Barbar serta penduduk asal Andalus daripada pelbagai agama dan keturunan.
  
3. Penaklukan Islam ke atas Andalus telah membuka lembaran baru dalam sejarah Islam terutamanya dalam aspek penyebaran Islam dan kebudayaan Arab ke bahagian-bahagian lain di Eropah Barat.
  
4. Proses penyebaran Islam di Andalus bukanlah melalui jalan kekerasan tetapi disebabkan oleh keindahan Islam dan kesan pergaulan serta perkahwinan di antara penduduk tempatan dengan orang-orang Islam.

5. Kemasukan orang-orang Islam ke Andalus dari kalangan bangsa Arab dan Barbar telah mempelbagaikan lagi struktur sosial Andalus yang sememangnya terdiri daripada masyarakat majmuk. Pergaulan dan perkahwinan di antara orang-orang Islam dengan penduduk tempatan juga turut membentuk golongan masyarakat baru di Andalus.
6. Perebutan harta, kuasa dan kedudukan serta ketidakpuasan hati di atas pembahagian penempatan merupakan antara faktor penyebab berlakunya pergolakan antara kaum di Andalus seperti di antara orang-orang Arab dan Barbar dan Arab sesama Arab.
7. Permusuhan dalaman dan pemberontakan yang sering berlaku di Andalus di zaman pemerintahan bergabenor ini bukan hanya melemahkan kedudukan umat Islam di Andalus malah turut membuka ruang kepada orang-orang Kristian di Utara Andalus untuk membina kekuatan bagi menjatuhkan orang-orang Islam di Andalus
8. Perlantikan seorang demi seorang gabenor yang memerintah dalam jangka masa yang tidak lama di Andalus membuktikan bahawa terdapat ketidakstabilan dalam politik dan pemerintahan di Andalus.
9. Sepanjang pemerintahan Gabenor terakhir Andalus iaitu Yūsuf al-Fihri, keadaan yang mewarnai Andalus adalah ketegangan, kebuluran,

pemberontakan dan penentangan orang-orang Kristian di Utara hingga melemahkan Andalus itu sendiri.

10. Ketidakstabilan sosial dan politik Andalus telah memberikan kelebihan kepada 'Abdulrahmān al-*Dākhil* untuk memanipulasi dan membuat perancangan sehinggalah beliau akhirnya berjaya menamatkan zaman pemerintahan bergabenor dan menguasai keseluruhan Andalus.
11. Pergolakan demi pergolakan telah dicetuskan oleh pelbagai anasir masyarakat sepanjang pemerintahan Islam di Andalus. Pergolakan ini kemudiannya berlanjutan selama beberapa kurun hinggalah akhirnya ia menyumbang kepada kejatuhan pemerintahan Islam di tangan orang-orang Kristian Sepanyol.

## 5.2 SARANAN.

Berdasarkan huraian-huraian yang telah dibuat, dapatlah dibuat saranan-saranan seperti berikut:

1. Umat Islam haruslah mengambil pengajaran dan iktibar daripada sejarah umat Islam yang terdahulu terutamanya sejarah Andalus agar kita tidak mengulangi kesilapan yang sama.
2. Di sisi Allah, tiada bezanya antara manusia dari segi pangkat, harta dan keturunan kerana yang utama adalah hati, amalan dan ketaqwaan

seseorang manusia. Oleh itu, umat Islam haruslah berebut-rebut untuk mendapatkan kesucian hati, kesempurnaan amalan dan ketaqwaan dan bukannya merebut harta, kedudukan dan kekuasaan yang tidak akan kekal selamanya.

3. Satu-satunya kayu ukur yang membezakan manusia ialah tahap keimanan dan ketakwaan. Oleh itu, kita hendaklah berusaha untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan kita kepada Allah agar kedudukan kita mulia di sisi Allah. Ini selaras dengan firman Allah dalam surah al-Hujurāt ayat 13:

يٰۤاَيُّهَا النَّاسُ اِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَّاُنْثٰى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعْرٰۤا وَّعٰۤاۤیِلَ لِتَعَارَفُوْۤا اِنَّ اَكْرَمَكُمْ  
عِنْدَ اللّٰهِ اَتْقٰۤىكُمْ اِنَّ اللّٰهَ عَلِيْمٌ خَبِيْرٌ ﴿١٣﴾

“ Wahai manusia! Sesungguhnya Kami menciptakan kamu daripada seorang lelaki dan seorang perempuan; dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan berpuak-puak supaya kamu saling kenal-mengenal antara satu sama lain. Sesungguhnya orang yang paling mulia antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling bertakwa. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi amat mendalam pengetahuan-Nya”

Terjemahan Surah al-Hujurāt( 49 ): 13

4. Sewajarnya kita sebagai umat Islam menyedari bahawa dunia ini hanyalah sementara. Kehidupan di dunia hanyalah sebagai satu ujian yang bakal menentukan bagaimanakah kehidupan kita di akhirat nanti. Berjaya atau tidak kita sebenarnya di sisi Allah bukanlah diukur daripada banyaknya harta, pengaruh atau kekuasaan yang dimiliki di dunia tetapi sejauh mana

kita mampu menggunakan sumber yang dianugerahkan oleh Allah kepada kita untuk mendekatkan lagi diri kita kepada Allah.

5. Hakikatnya, kehidupan dunia adalah seperti roda. Kadang kala kita mungkin di atas dan ada kalanya kita mungkin di bawah. Sebagaimana kita mungkin melonjak naik dalam kepemimpinan dan kekayaan, kemungkinan untuk jatuh menjunam turut ada. Kesemuanya ini membuktikan bahawa kekuasaan dan kekayaan yang sebenarnya adalah milik Allah semata.
  
6. Dalam usaha untuk menguatkan kembali umat Islam yang sekian lama tertindas dan terkebelakang, umat Islam seharusnya kembali kepada ajaran al-Quran dan al-Sunnah sebagaimana yang telah dianjurkan oleh Allah dan pesuruhNya Nabi Muhammad S.A.W. *Wallāhua 'lam.*